

27 JUN 1999

Mahathir-Kempen

KERAJAAN PILIH TEMPOH PENDEK UNTUK KEMPEN PILIHAN RAYA

LANGKAWI, 27 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan memilih untuk mengadakan kempen pilihan raya yang pendek untuk mengelakkan daripada pelbagai tuduhan dibuat semasa tempoh berkempen sehingga boleh menimbulkan ketegangan kaum.

Kerajaan tidak mahu membuat sesuatu yang tidak berfaedah (memanjangkan tempoh kempen) semata-mata untuk mengikut kehendak parti lawan, katanya kepada pemberita selepas melancarkan program "Langkawi Travel Mart" di sini.

"Parti lawan mempunyai semua idea yang negatif sahaja, tidak ada satupun yang positif," katanya menjawab pertanyaan mengenai cadangan parti pembangkang berhubung perkara itu.

Dr Mahathir berkata sebenarnya tempoh berkempen tidak singkat kerana mereka (parti pembangkang) sudah lama berkempen memburuk-burukkan kerajaan.

Beliau mempersoalkan kenapa parti lawan sering membangkitkan tempoh kempen yang singkat sedangkan mereka telah berkempen di merata tempat memfitnah kerajaan.

"Kenapa cakap soal tempoh yang singkat sedangkan PAS pergi setiap kampung memaki hamun kerajaan dengan macam-macam fitnah terhadap saya," katanya.

Perdana Menteri juga yakin PAS akan menggugurkan tuntutan untuk negara Islam kerana ia merupakan tuntutan politik dan bukan berniat untuk membangunkan negara Islam.

"Ia sebenarnya dibuat supaya mereka boleh mendapat sokongan rakyat bila lawan dengan UMNO. Tetapi sekarang cadangan itu akan menyekat kerjasama antara PAS dengan DAP, jadi bagi PAS kalau DAP tak setuju dia akan turut DAP," katanya.

Ini menunjukkan parti itu tidak berprinsip dan setiap kali pilihan raya parti itu akan menukar objektifnya tidak seperti UMNO yang tetap berpegang kepada objektifnya, kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

NH MZM AKD